

EDISI 20 | JANUARI - MAC 2022

ISSN 2590-4035



UMK RESEARCH

infolink



umk Menganjurkan
RANCANGAN REALITI TV

MoHE Star Biz

Challenge
**Taikuin
MUDAL**
"Melahirkan Usahawan Masa Depan"

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman
Prof. Ir. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail
Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail
Prof. Madya Dr. Dzulkifli Bin Mukhtar
Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim
Prof. Madya Dr. Noorshella Binti Che Nawi
Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff
Ts. Dr. Maryana Binti Mohamad Nor
Ts. Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri
Dr. Muhammad Akmal Bin Remli
Dr. Mohd Safwan Bin Ghazali
Dr. Ch'ng Huck Ywih
Encik Mohd Aswawi Bin Isa

EDITOR

YM. Raja Azlan Bin Raja Ismail

AHLI

Encik Muhamad Hafizuddin Bin Mat Nawi
Cik Nur Athirah Binti Mat Yusoff
Encik Mohd Faisal Bin Mohd Azalan
Puan Elap Coon Choon
Encik Syed Ahmad Afiq Hasif Bin Syed Ab Rahman
Puan Noorafnie Eaura Binti Ab Manaf
Encik Ahmad Shazry Bin Supi
Encik Mohamad Sa'arani Bin Mhd Zin
Encik Norzie Haslizam Bin Mat Hassan
Puan Wan Nurshahidatul Fatimah Binti Wan Lamli
Puan Suzana Binti Shari
Puan Nur Rosamimie Farisa Binti Mohd Roslan
Encik Abdul 'Azim Bin Ab Razak
Puan Puteri Nurainul Bismi Binti Jondi
Puan Zulfatihah Binti Mohd Zin
Puan Nik Aidil Adila Binti Nik Yusof

PEREKA

Encik Ahmad Tahir Bukhari Bin Bustary
Cik Aniya Dhaifina Binti Abdul Hadi

KANDUNGAN

- 04** SECORET KATA TNCPI
- 05** PEJABAT TNCPI
- 08** PENYELIDIKAN
- 09** KOMERSILAN DAN HARTA INTELEK
- 12** PENERBITAN DAN PENARAFAN
- 14** JARINGAN INDUSTRI
- 16** AGRO TECHNO PARK
- 18** LENSA AKTIVITI
- 20** KEUSAHAWANAN
- 24** PUSAT KECEMERLANGAN INSPEK
- 29** PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA
- 30** PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kerana kekal menerbitkan Buletin UMK Research Infolink Edisi kali ke-20 (Edisi 1/2022).

Permulaan tahun 2022 ini, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan melalui Institut Keusahawanan UMK buat julung kalinya berjaya menganjurkan Pentas Akhir Rancangan Realiti TV MoHE Star Biz Challenge - Taikun Muda yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato` Seri Dr. Noraini Ahmad di Dewan Experimental, UMK Kampus Kota dengan kerjasama Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah). Seramai 11 peserta finalis dipilih mewakili UMK, UNIMAS, UPSI, UKM, UM, UPM, UIAM, UPM dan Kolej Komuniti Kuala Langat dan semua peserta ini terlibat dalam enam (6) episod rakaman rancangan realiti keusahawanan Taikun Muda. Melahirkan Usahawan Masa Depan merupakan slogan kata bagi program tersebut. Program yang pertama kali di Malaysia yang melibatkan usahawan pelajar dalam melahirkan bakat-bakat usahawan dalam kalangan mahasiswa universiti, juga mampu menarik minat lebih ramai golongan muda untuk menjadi usahawan dan memberi keyakinan kepada masyarakat tentang penglibatan pelajar universiti dalam keusahawanan.

Selain itu, bagi pencapaian geran atau dana penyelidikan pula, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada para penyelidik UMK yang telah berjaya memperolehi geran atau dana penyelidikan. UMK juga telah berjaya memperolehi tiga (3) pingat emas dan tiga (3) pingat perak beserta satu (1) anugerah khas dalam pertandingan Malaysia Technology Expo (MTE) 2022. Pertandingan yang diadakan secara dalam talian itu memperlihatkan enam (6) orang penyelidik mewakili UMK. Seterusnya, satu kejayaan membanggakan lagi telah dicatat di Virtual Research and Innovation Exhibition (eREKA) 2022 apabila penyelidik UMK berjaya membawa pulang sepuluh (10) pingat emas, lapan (8) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa. Kejayaan ini sekaligus membuktikan bahawa kehebatan penyelidik – penyelidik UMK dalam menjalankan penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi selari dengan usaha memperkasakan kemajuan komuniti setempat khususnya.

Akhir kata, saya harap agar semua warga kerja Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan terus kekal bersemangat dalam melaksanakan tugas – tugas yang diamanahkan dan meneruskan gerak kerja untuk lebih cemerlang. Tidak lupa juga kepada seluruh warga penyelidik UMK untuk mempertingkatkan lagi pencapaian dan kredibiliti masing – masing dalam menjayakan agenda penyelidikan dan inovasi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan



UMK, PBF DAN BRM JALIN KERJASAMA PINTAR UNTUK MENUBUHKAN UMK TRACE DI PULAU BANDING

27 Januari 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Yayasan Pulau Banding (PBF) dan Belum Rainforest Management Sdn Bhd (BRM) mengukuhkan kolaborasi dengan menandatangani perjanjian sewa dan memorandum persefahaman (MoU) dalam membangunkan UMK Tropical Rainforest Research Centre (TRACE) bertempat di Pulau Banding, Gerik Perak. Majlis menandatangani MoU disempurnakan oleh Yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Nik Mahteran dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah. Manakala PBF pula diwakili oleh Pengerusinya, iaitu Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad dan BRM diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya, Puan Hajah Mazrita Mazlan. Turut hadir bagi menyaksikan majlis ini adalah Pengerusi Eksekutif Kumpulan EMKAY, Tan Sri Mustapha Kamal Hj Abu Bakar. Kelebihan sinergi antara ketiga pihak ini dikuatkan lagi dengan konsep penubuhan PBF dan BRM yang diilhamkan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan EMKAY, Tan Sri Mustapha Kamal. Majlis menandatangani MoU telah diadakan di Menara Mustapha Kamal, Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor.



PROGRAM LAWATAN KERJA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP) KE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KAMPUS JELI

13 Februari 2022 | Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diketuai oleh Naib Canselor, Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Penyelidikan dan Inovasi di UMK Kampus Jeli pada 13 Februari 2022. Tujuan utama lawatan penanda aras tersebut adalah bagi perkongsian amalan baik serta peluang kolaborasi strategik antara UniMAP dan UMK. UMK telah diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah dan turut serta adalah Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Pengarah UMK Kampus Jeli dan Pengarah-Pengarah di bawah Pejabat TNCPI. Antara aktiviti yang terlibat ialah lawatan ke tapak Agro Techno Park (ATP), Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA), pameran produk keusahawanan pelajar serta pembentangan dan perbincangan kolaborasi strategik.

PROGRAM SIHAT BERSAMA TNCPI

15 Februari 2022 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan Program Sihat Bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil. 1/2022 yang telah dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Program ini melibatkan tiga aktiviti santai iaitu Senamrobik, Squash dan Ping Pong. Tujuan program ini adalah bagi membudayakan amalan hidup sihat di samping sebagai platform mengukuhkan kerja berpasukan staf Pejabat TNCPI. Program turut diceritakan dengan penyampaian Sijil Anugerah Staf Sihat (Zero-MC) bagi tahun 2021.



122 PELATIH KOR SUKSIS UMK TAMAT LATIHAN KURSUS ETIKA & PENGURUSAN INTEGRITI DAN KURSUS ASAS PERTOLONGAN CEMAS KOR SUKSIS TAHUN 2022

NEWS@UMK



122 PELATIH KOR SUKSIS UMK TAMAT LATIHAN KURSUS
ETIKA & PENGURUSAN INTEGRITI DAN KURSUS ASAS
PERTOLONGAN CEMAS KOR SUKSIS TAHUN 2022



3 Mac 2022 | Seramai 122 pelatih 3 Mac 2022 | Seramai 122 pelatih Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menamatkan Kursus Etika, Pengurusan Integriti dan Kursus Asas Pertolongan Cemas, bermula 26 Februari hingga 3 Mac 2021. Majlis perasmian penutup kursus telah disempurnakan oleh Komandan Kor Suksis UMK, YDH ACP/KS Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 3 Mac 2022. Menurut Prof. Ts. Dr. Arham, kursus ini adalah manifestasi dan harapan tinggi daripada pihak PDRM dan UMK kepada semua pelatih Kor SUKSIS agar dapat melahirkan barisan pemimpin berkaliber untuk masa hadapan. Katanya, sebagai sebuah gedung permata ilmu, UMK juga sentiasa memberi penekanan terhadap pembentukan modal insan yang seimbang dan holistik.

KERJASAMA ANTARA PUSAT TEKNOKEUSAHAWANAN EMAS, NADIR BUMI & BAHAN (GOLD, RARE EARTH & MINERAL TECHNOPRENEURSHIP CENTRE (GREAT) BERSAMA PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN (PMBK)

09 Mac 2022 | Satu perjumpaan antara wakil Universiti Malaysia Kelantan yang diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK bersama Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang diketuai oleh En. Wan Mohd Husni Wan Osman, Ketua Pegawai Operasi, PMBK dan anak syarikat PMBK iaitu PMBK Azzahab Sdn. Bhd telah diadakan.

Secara keseluruhan, hasil daripada perbincangan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama bagi menjalankan analisis, eksplorasi, penyelidikan, pembangunan, perpindahan teknologi serta mencipta inovasi baharu bagi program pembangunan berkaitan emas, logam dan mineral serta projek-projek kerjasama yang lain di negeri Kelantan ini.



KEMBARA TITAH KELANTAN BERSAMA YBM TENGGU TEMENGGONG KELANTAN

27 Mac 2022 | Tengku Temenggong Kelantan, Yang Berhormat Mulia (YBM) Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Bin Tengku Abdul Aziz, berkenan berangkat menyempurnakan majlis perasmian Program Kembara Titah Kelantan di Auditorium, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI), UMK Bachok. Pada majlis tersebut, YBM Tengku Temenggong turut menyampaikan Titah Ucapan Khas bertajuk 'Memartabatkan Penggunaan Bahasa Melayu' dan seterusnya menyempurnakan gimik Pelancaran Buku Terbitan Khas Dewan Bahasa dan Pustaka, UMK dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), di Ruang Legar Auditorium PPI. Turut hadir, mengiringi YBM Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah yang mewakili Naib Canselor UMK, Ketua Pengarah DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan, Haji Zulkifle Ab. Rahman.



MALAM MES DINING OUT "JASA BAKTI PENCETUS INSPIRASI" KETUA POLIS KELANTAN



27 Mac 2022 | Ketua Polis Kelantan, CP Dato' Shafien bin Mamat dan isteri Datin Zairihan binti Che Haron telah diraikan dalam Malam Mes Dining Out sempena Persaraan wajib pada 30 April 2022 yang akan menjadi hari paling keramat dalam lipatan hidup Ketua Polis Kelantan setelah hampir 38 tahun mencurahkan bakti sebagai Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah naungan Panji Keramat Sang Saka Biru. Majlis ini berlangsung di Grand Ballroom, Hotel Grand Renai, Kota Bharu Kelantan. Ucapan selamat menjalani persaraan serta setinggi-tinggi penghargaan terima kasih buat CP Dato' Shafien bin Mamat, Ketua Polis Kelantan serta Datin Zairihan binti Che Haron, Pengerusi PERKEP Kontinjen Kelantan di atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan kepada Kontinjen Kelantan.



PENCAPAIAN GERAN / DANA PENYELIDIKAN

Sekalung tahniah diucapkan kepada para penyelidik atas kejayaan memperoleh geran/ dana penyelidikan berikut:



PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN / DANA PENYELIDIKAN TAHUN 2022

Permohonan bagi beberapa geran/ dana penyelidikan bagi tahun 2022 telah dibuka kepada para penyelidik UMK yang menepati syarat-syarat permohonan bagi setiap geran/ dana penyelidikan yang ditawarkan. Proses permohonan setiap geran/ dana penyelidikan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD), RMIC dan turut dibantu oleh fakulti. Antara geran/ dana penyelidikan yang dibuka untuk permohonan adalah:



RMIC GRANT WORKSHOP SERIES : WRITING A WINNING FRGS RESEARCH PROPOSAL 2022

RMIC Grant Workshop Series: Writing a Winning FRGS Research Proposal 2022 diadakan dengan kerjasama RMD dan semua fakulti di UMK bermula pada 13 Januari 2022 sehingga 28 Januari 2022 secara dalam talian. Penceramah jemputan mengikut bidang dijemput untuk memberikan penerangan dan tips bagi menulis cadangan penyelidikan geran FRGS yang terbaik.



TIPS TO SECURE PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) PROJECT

Perkongsian tentang persediaan dan tips untuk mendapatkan geran PPRN telah diadakan secara dalam talian pada 8 Februari 2022 dan 10 Februari 2022. Perkongsian bermanfaat ini disampaikan oleh dua Ikon Projek PPRN UMK iaitu Ts. Dr. Khairiyah binti Mat dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Ts. Dr. Mazlan bin Muhamad dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) dalam usaha membantu para penyelidik lain untuk turut sama berjaya mendapatkan geran PPRN ini.

PENYELIDIKAN

LAWATAN PENANDA ARAS KE**BIOPRO CONSORTIUM SDN. BHD.**

13 Januari 2022 | Lawatan ke Biopro Consortium Sdn Bhd. bertempat di Setapak, Kuala Lumpur adalah bertujuan sebagai penanda aras bagi UMK dalam mewujudkan kilang produk penyelidikan sendiri serta mendapatkan input bagi melaksanakan projek Incubator for Research, Innovation, Commercialization and Entrepreneurship (I-RICE). Lawatan ini disertai oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman, Pengarah Kanan RMIC, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed, Pengarah ICD, Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim, Pengarah PRD dan Chm. Ts. Dr Abdul Hafidz bin Yusoff, Pengarah RMD.

**LAWATAN POTENSI KOLABORASI DELEGASI
UMK KE SIRIM BERHAD**

14 Januari 2022 | Lawatan Delegasi UMK ke SIRIM Berhad telah diadakan di ibu pejabat SIRIM bertempat di Shah Alam, Selangor yang bertujuan membincangkan projek dan potensi kolaborasi antara UMK dan SIRIM Berhad pada masa hadapan. Delegasi UMK diketuai oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan turut disertai oleh 11 orang wakil termasuk Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPek), Pengarah Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA), Pengarah Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AiBiG), Pengarah Kanan dan Pengarah RMIC serta Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Pascasiswazah (TDPI) Fakulti Sains Bumi FSB), Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT).


**LAWATAN PANEL PENASIHAT KE
UMK-MARA INCUBATOR FOR RESEARCH,
INNOVATION, COMMERCIALIZATION AND ENTREPRENEURSHIP
(I-RICE)**


Rentetan daripada lawatan delegasi UMK ke Biopro Consortium Sdn. Bhd., satu lawatan tapak ke UMK-MARA Incubator for Research, Innovation, Commercialization and Entrepreneurship (I-RICE) telah diadakan pada 17 Januari 2022 di Kawasan Industri MARA (KIM), Pengkalan Chepa, Kota Bharu yang bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada Dr. Mariani Abdul Hamid, Pengasas DerMAGs Beauty Skincare mengenai susun atur kilang yang bakal dibangunkan. Lawatan ini turut disertai oleh Tc. Muhammad Abdullah Bin Md Zin, wakil Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) serta wakil pihak MARA.

ICD LET'S TALK: POLISI DAN PROSEDUR PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Taklimat dalam talian ini telah dianjurkan secara bersiri mengikut kampus bermula 27 Januari 2022 (Khamis) bagi UMK Bachok, 10 Februari 2022 (Khamis) bagi UMK Kampus Kota, dan 14 Februari 2022 (Ahad) bagi UMK Kampus Jeli. ICD Let's Talk ini disampaikan oleh Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed bagi berkongsi penerangan dan pengalaman beliau mengenai polisi dan prosedur perundingan.



RMIC IP TALK: IP CARE - KEPENTINGAN PERLINDUNGAN HARTA TELEK

8 Februari 2022 | Taklimat RMIC IP Talk: IP Care bertajuk Kepentingan Perlindungan Harta Intelek diadakan secara dalam talian menerusi platform Google Meet. Puan Nur Saidatun Sheila binti Talib, Ketua Cawangan Perbadangan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Cawangan Kuantan dijemput bagi berkongsi kepentingan perlindungan harta intelek kepada semua peserta dalam talian.

SESI PERTEMUAN BAGI PELAPORAN PERUNTUKAN DANA INOVASI TAN SRI FNG AH SENG

17 Februari 2022 | Dalam usaha merencanakan pra-pengkomersialan produk inovasi UMK, satu pertemuan bersama Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng telah diadakan di Wisma Epic Valley, Perai, Pulau Pinang. Pertemuan yang diketuai oleh Yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad ini merupakan rentetan daripada memorandum persefahaman yang dimeterai antara UMK dan yayasan pada tahun 2017. Delegasi UMK turut disertai oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr Ahmad Ziad bin Sulaiman, Pengarah Kanan RMIC, Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman, Profesor Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dan Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed, Pengarah ICD.



KOMERSIALAN DAN HARTA INTELEK

PERMULAAN CEMERLANG BAGI



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DI MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2022

Universiti Malaysia Kelantan telah berjaya memperoleh tiga (3) pingat emas dan tiga (3) pingat perak berserta satu (1) anugerah khas pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2022. Pertandingan yang diadakan secara dalam talian itu memperlihatkan enam (6) orang penyelidik sebagai wakil Universiti Malaysia Kelantan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN MENERUSKAN KEDEMILANGAN KALI KE-3 DI VIRTUAL RESEARCH AND INNOVATION EXHIBITION (eREKA) 2022

Satu kejayaan membanggakan telah dicatat di Virtual Research and Innovation Exhibition (eREKA) 2022 apabila penyelidik Universiti Malaysia Kelantan berjaya membawa pulang 10 pingat emas, lapan (8) perak dan satu (1) gangsa. Kejayaan ini sekaligus membuktikan kehebatan penyelidik UMK dalam menjalankan penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi selari dengan usaha memperkasakan kemajuan komuniti setempat khususnya.



BENKEL PENYEDIAAN DOKUMEN PEMFAILAN PATEN 2022



Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) telah mengadakan Bengkel Penyediaan Dokumen Pemfailan Paten 2022 pada 27 – 28 Mac 2022 bertempat di H Design Hotel, Kota Bharu Kelantan. Bengkel kali ke – 3 anjuran bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) ini turut disertai oleh universiti awam seperti UPSI, USM, UniZA, dan UMP.

HIGH IMPACT JOURNAL PUBLICATION WEB OF SCIENCE (JOURNAL CITATION REPORT)

JANUARI 2022

Top Author on January

TS. DR. MARDAWANI MOHAMAD
FACULTY OF BIOENGINEERING AND TECHNOLOGY (FBKT)

JOURNAL : JOURNAL OF HAZARDOUS MATERIALS
Q1 / IF : 10.588

Title :
A review on recent disposal of hazardous sewage sludge via anaerobic digestion and novel composting

Source : Web Database
Extract Date : 25 Jan 2022

FEBRUARI 2022

Top Author on February

DR. MUHAMMAD LUQMAN NORDIN
FACULTY OF VETERINARY MEDICINE (FVU)

JOURNAL : PHARMACEUTICS
Q1 / IF : 6.321

Title :
DENV- Mimetic Polymersome Nanoparticles Bearing Multi-Epitope Lipopeptides Antigen as the Next-generation Dengue Vaccine

Source : Web Database
Extract Date : 25 Feb 2022

MAR 2022

Top Author on March

TS. DR. MARDAWANI MOHAMAD
FACULTY OF BIOENGINEERING AND TECHNOLOGY (FBKT)

JOURNAL : CHEMOSPHERE
Q1 / IF : 7.096

Title :
Hydrolysis Kinetics for Solubilizing Waste Activated Sludge at Low Temperature Thermal Treatment Derived from Multivariate Non-linear Model

JOURNAL : CATALYST
Q2 / IF : 4.146

Title :
Application of Biochar as Functional Material for Remediation of Organic Pollutants in Water: An Overview

Source : Web Database
Extract Date : 22 March 2022

RMIC COFFEE TALK SIRI 1: JOURNEY TOWARDS RESEARCH AND INNOVATION EXCELLENCE

20 Mac 2022 | RMIC Coffee Talk Siri 1 telah diadakan di UMK Kampus Jeli. Program ini diadakan secara dua (2) sesi dengan penceramah jemputan pada sesi pertama adalah YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Sains Malaysia (USM) dan sesi kedua adalah Mr. Vincent Wong Wai Sang, Chairman Malaysia Innovation Hub. Program ini turut diadakan secara dalam talian melalui aplikasi zoom dan melibatkan para Dekan, Timbalan Dekan dan UMK Rising Star.

CHAIRMAN MALAYSIA INNOVATION HUB
MR. VINCENT WONG WAI SANG

DVC (RESEARCH & INNOVATION) USM
PROF. DATO' IR. DR. ABDUL RAHMAN MOHAMED

RMIC Coffee Talk
RESEARCH MANAGEMENT AND INNOVATION CENTRE

Journey Towards Research and Innovation Excellent
Sunday 20th March 2022
AT 8:00AM - 5:00PM
UMK JELI CAMPUS

PENERBITAN DAN PENARAFAN

SENARAI PROGRAM / AKTIVITI BULANAN

JANUARI 2022

11 JANUARI 2022 | PRD CHIT CHAT: SKIM INSENTIF PENERBITAN, SEMAKAN WOS & SCOPUS BAGI TAHUN 2022



12 JANUARI 2022 | PERBINCANGAN DATA QS WORLD UNIVERSITY RANKING: ASIA 2023



24 JANUARI 2022 | PEMBENTANGAN DATA MyRA 2021 BIL. KE-3



23 JANUARI 2022 | PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI UMK RISING STAR



FEBRUARI 2022

22 FEBRUARI 2022 | THE RISING STAR TALK 2022



23 FEBRUARI 2022 | PENILAIAN DOKUMEN BAGI PENCAPAIAN MYRA TAHUN 2019 & 2020 DI DEWAN ZA'BA, KPT



MAC 2022

7 MAC 2022 | ONLINE CONFERENCE SESI PENGEMASKINIAN DATA MyRA 2019 & 2020

13 MAC 2022 | ONLINE CONFERENCE SESI PENYELARASAN AKHIR DATA MyRA 2019 & 2020



8 MAC 2022 | THE RISING STAR TALK 2/2022



WEBINAR THE FUTURE OF SUSTAINABLE FARMING: EMERGING TRENDS

3 Januari 2022 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah menganjurkan webinar yang bertajuk The Future of Sustainable Farming: Emerging Trends.



WEBINAR TAKLIMAT PROGRAM INISIATIF KAJI SELIDIK DAN KONSULTASI PEKA & UMK



10 Februari 2022 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA) telah menganjurkan Webinar Taklimat Program Inisiatif Kaji Selidik dan Konsultasi secara dalam talian. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kaji selidik dan konsultasi yang ditawarkan oleh pihak UMK.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA CADANGAN PROJEK KERJASAMA ANTARA KRU ENTERTAINMENT SDN. BHD

17 Januari 2022 | Pihak UMK telah mengadakan sesi perbincangan dan Pembentangan Kertas Kerja Cadangan Projek Kerjasama antara KRU Entertainment Sdn. Bhd bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam kalangan pelajar. Sesi perbincangan ini dipimpin oleh YBhg. Dato' Norman bin Abdul Halim, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif KRU Entertainment Sdn. Bhd. serta barisan pengurusan kanan syarikat.



MAJLIS MENANDATANGANI MOU/ MOA DENGAN RAKAN INDUSTRI/ AGENSI/ UNIVERSITI

8 Januari 2022 | Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Thought For Food Foundation (TFF) di Kuala Lumpur. Jalinan kerjasama berhubung pembangunan dan pemerkasaan syarikat pemula siswa dalam bidang pertanian dan makanan masa hadapan.



27 Januari 2022 | Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Belum Rainforest Management Sdn. Bhd. di Selangor. Jalinan Kerjasama - dalam mengukuhkan dan membangunkan kerjasama, latihan industri, perantis, geran perundingan, Belum Adventure Camp dan khidmat masyarakat.

BENGKEL PEMANTAUAN PROJEK UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) ZON TIMUR

13-15 Februari 2022 | Sekretariat University for Society (U4S) iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM), Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan sesi pemantauan projek U4S Zon Timur yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Setiu, Terengganu. Seramai 30 orang peserta termasuk komuniti nelayan dan KUNITA Setiu turut hadir ke sesi pemantauan ini.



PROGRAM KPT PRIHATIN KELUARGA MALAYSIA @JOHOR

25 Februari 2022 | Bersempena Program KPT Prihatin Keluarga Malaysia @Johor, Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC), Bahagian Hal Ehwal Pelajar bersama Pusat Islam UMK telah menziarahi pelajar asnaf/ B40 yang berada di sekitar Segamat, Labis dan Pagoh, Johor bagi menyampaikan bantuan kepada para pelajar berkenaan.



Dalam sesi ziarah ini, Ts. Dr. Sharizal Bin Ahmad Sobri, Pengarah CUIC telah menyampaikan bantuan komputer riba dan bantuan zakat kepada lima (5) orang pelajar asnaf/ B40 UMK. Sesi ziarah tersebut turut dihadiri oleh Encik Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim, Pensyarah Kanan UMK untuk bertanya khabar mengenai pembelajaran secara hibrid, peperiksaan, serta memberikan motivasi kepada pelajar untuk kekal cemerlang di dalam bidang akademik serta kokurikulum sepanjang pengajian di UMK.



13 Februari 2022 | Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Hotel Perdana, Kota Bharu. Jalinan kerjasama adalah dalam bidang Program Akademik Dwi Ijazah.

13 Mac 2022 | Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Institut Silat Seni Gayong (ISG). Kerjasama antara UMK dan ISG ini adalah berteraskan pembangunan modul latihan, penerbitan buku, penulisan jurnal dan penyelidikan.

PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN TERHADAP TANAMAN DURIAN DI PLOT GERAMPLASM DURIAN UMK

11 Januari 2022 | Aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan terhadap pertumbuhan tanaman durian di plot germplasm durian UMK dilaksanakan pada setiap hari bagi memastikan pertumbuhan pokok durian dapat membesar dengan sihat dan subur.



PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG KACUK DILAKSANAKAN UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

13 Januari 2022 | ATP telah menjalankan aktiviti penternakan ayam kampung kacuk di ATP UMK Kampus Jeli. Sebanyak 300 ekor benih anak ayam kampung kacuk telah ditenak bagi pengeluaran hasil dan dijadikan rujukan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada pelajar dan pensyarah serta penjana pendapatan kepada universiti.

LAWATAN ATP KE PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN KEUSAHAWAN DAN INOVASI GLOBAL (GERIC)

26 Januari 2022 | ATP telah mengadakan lawatan ke Pejabat Pusat Penyelidikan Keusahawan Dan Inovasi Global (GERIC) bagi melihat kesesuaian pokok hiasan hidup untuk diletakkan di sekitar pejabat berkenaan. Pihak ATP telah menerima surat permohonan pokok (Live Plant) untuk hiasan di pejabat berkenaan pada 18 Januari 2022 bagi menentukan jenis – jenis pokok untuk diletakkan dalam pejabat berkenaan.



PENANAMAN ROCK MELON DI UMK BACHOK

09 Februari 2022 | ATP telah memulakan penanaman Rock Melon sebanyak 800 pokok varieti Glamour di dalam 2 unit rumah lindungan hujan selepas kerja-kerja penyelenggaraan rumah lindungan hujan itu selesai di UMK Bachok. Tanaman ini dijangka tuai pada awal bulan Mei 2022.

PENJUALAN HASIL PRODUK ATP DI UMK KAMPUS BACHOK DAN KAMPUS KOTA

10 Februari 2022 | ATP telah mengadakan jualan daging ayam kampung kacuk sejuk beku ke UMK Kampus Bachok dan Kampus Kota. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar. Melalui jualan ini, ATP telah mendapat hasil jualan sebanyak RM540.00.



SEBARANG TEMPATAN SILA HUBUNGI:
EN. SHAZRY: 012-9086884
EN. HELMAN: 011-1887809
EN. HANAFULZAHARI:
010-7833312

HALAL . SUCI . BERSIH

JUALAN AYAM KAMPUNG KACUK DARJ
AGRO TECHNO PARK (ATP)




HARGA: RM 13.50/KG
BERAT AYAM: (1.0 – 1.5KG/EKOR)

THANK YOU
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

LAWATAN PENANDA ARAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) KE UMK KAMPUS JELI



13 Februari 2022 | Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli telah menerima lawatan Penanda Aras Penyelidikan dan Inovasi dari Deligasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diketuai oleh Naib Canselor, Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman Bin Sauli. Tujuan utama lawatan penanda aras tersebut adalah bagi perkongsian amalan baik serta peluang kolaborasi strategik antara UniMAP dan UMK. ATP menjadi salah satu lokasi yang delegasi UniMAP.

LAWATAN TAPAK PROJEK JELI FOOD FARM VALLEY OLEH AHLI JAWATANKUASA INDUK PELABURAN UNIVERSITI (JIPU)

23 Februari 2022 | ATP menerima lawatan tapak oleh Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (JIPU) bagi melihat kemajuan pelaksanaan Projek Jeli Food Farm Valley (JFFV) di ATP dan sekitar UMK Kampus Jeli. Lawatan tersebut diketuai oleh Tan Sri Che Mohd Hashim bin Abdullah dan Datin Seri Norasyikin binti Kassim sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaburan Universiti dan turut diiringi oleh Pengarah UMK Kampus Jeli dan Bendahari UMK.



PENJUALAN HASIL PRODUK ATP DI UMK KAMPUS JELI

21 Mac 2022 | Pihak ATP telah mengadakan jualan sayuran sawi dan terung di sekitar UMK Kampus Jeli. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar.

SESI PEMERIKSAAN KENDIRI PERSEKITARAN TEMPAT KERJA DAN FAIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI ATP

08 Mac 2022 | ATP telah menjalankan pemeriksaan sendiri persekitaran tempat kerja dan fail keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ATP.



PROGRAM SIHAT BERSAMA TNCPi



KEMBARA TITAH KELANTAN BERSAMA YBM TENGGU TEMENGGONG KELANTAN



PROGRAM TAIKUN MUDA



LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)



PROGRAM ATP



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ANJUR PENTAS AKHIR RANCANGAN REALITI TV MOHE STAR BIZ CHALLENGE-TAIKUN MUDA

31 Mac 2022 | Universiti Malaysia Kelantan melalui Institut Keusahawanan UMK buat julung kalinya berjaya menganjurkan Pentas Akhir Rancangan Realiti TV MOHE Star Biz Challenge-Taikun Muda yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Dr. Noraini Ahmad di Dewan Experimental, UMK Kampus Kota dengan kerjasama Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah).

Pada program tersebut, Muhammad Faizal Ruhajat telah dinobatkan sebagai Juara Taikun Muda dengan mengalahkan tiga (3) orang finalis yang lain. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Muzik dan Seni Persembahan (Teater), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu berjaya membawa pulang geran perniagaan bernilai RM50,000 tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berserta sijil dan trofi. Tempat kedua dimenangi oleh Adlina Jamaludin dari Universiti Putra Malaysia (UPM), yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai

RM 20,000 tajaan PKT Logistics Group Sdn. Bhd., beserta trofi dan sijil. Manakala, tempat ketiga dimenangi oleh Muhamad Shafiq Mat Rami Yan dari Universiti Malaya (UM) memenangi wang tunai RM2,500 beserta motosikal Yamaha Ego Gear, trofi dan sijil. Pemenang tempat keempat ialah Muhammad Yazid Bin Abdul Mutalib dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang membawa balik hadiah wang tunai RM1,500, motosikal Modenas dan sijil.

Tiga anugerah khas lain turut disediakan oleh penaja iaitu Anugerah Most Innovative Award dimenangi oleh Muhammad Farisfahmi Mamat dari UMK, hadiah Most Versatile Award diberikan kepada Nur Huda Hamka dari Universiti Malaysia Sarawak dan Anugerah Most Outstanding Award dimenangi oleh Muhammad Qais Amiri Jamalludin dari Kolej Komuniti Kuala Langat.



Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Hj. Megat Sany Megat Ahmad Supian, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad, Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Naib Canselor UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah. Manakala panel juri profesional terdiri dari Tuan Haji Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Rangkaian Kewangan Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad, Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif, PKT Logistics Group Sdn. Bhd., Puan Zuraini Binti Hasanuddin, Ketua Pegawai Eksekutif, Geo Artha International (M) Sdn. Bhd.

Program Rancangan Realiti TV MOHE Star Biz Challenge-Taikun Muda mendapat tajaan daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) selaku penaja utama dan rakan strategik lain yang turut menyokong program ini iaitu Ain Medicare Sdn. Bhd, Gas Pantai Timur Sdn. Bhd, PKT Logistics Sdn Bhd, Zakaria Sulaiman Hardware Sdn Bhd (Tukang Mart), Risha Wave, Docnan Industries Sdn. Bhd., Hotel Perdana Kuala Lumpur City Centre, Ridel Boutique Hotel,

dan Hotel H Elite Design. Seramai 11 peserta finalis dipilih mewakili UMK, UNISZA, UNIMAS, UPSI, UKM, UM, UPM, UIAM, UPM, dan Kolej Komuniti Kuala Langat dan semua peserta ini terlibat dalam rakaman enam (6) episod rancangan realiti keusahawanan Taikun Muda. Tayangan program ini telah disiarkan menerusi TV ALHIJRAH pada setiap hari Rabu jam 9.30 malam selama enam minggu bermula 23 Februari. Manakala Episod awal Kapsul Taikun Muda sebanyak empat (4) episod disiarkan di saluran youtube UMK TV, facebook UMK dan facebook TV Alhijrah. Sementara itu, Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK (UMKEI), Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail berkata, program MOHE STAR BIZ CHALLENGE atau TAIKUN MUDA ini telah menjadi bukti yang sesungguhnya mahasiswa kita mampu mencabar kemustahilan dan melenyapkan segala prejudis terhadap masa hadapan mereka yang memilih keusahawan sebagai kerjaya. Beliau berharap program yang pertama kali di Malaysia melibatkan usahawan pelajar ini dapat melahirkan bakat-bakat usahawan dalam kalangan mahasiswa universiti, menarik minat lebih ramai golongan muda untuk menjadi usahawan dan memberi keyakinan kepada masyarakat tentang penglibatan pelajar universiti dalam keusahawanan.



PELAJAR UMK SERTAI PROGRAM JELAJAH FRANCAIS MIKRO & MAMPU MILIK (F3M) PERINGKAT NEGERI KELANTAN



6 Mac 2022 | Program Jelajah Francais Mikro & Mampu Milik (F3M) Kelantan merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Persatuan Francais Malaysia dengan

kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KDNHEP). Program ini merupakan satu inisiatif yang dilakukan bertujuan untuk menyampaikan maklumat tentang peluang-peluang perniagaan dan sokongan yang disediakan di bawah program francais mikro dan mampu milik, menjelaskan keperluan dan tatacara permohonan geran pepadanan (matching grant) kepada kumpulan sasaran B40 dan M40 dan untuk melahirkan

lebih ramai usahawan francais (francaisi) dari kumpulan B40 & M40. Seramai enam (6) peserta dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah menyertai program ini dengan penglibatan seorang pensyarah pembimbing. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah seperti taklimat pengenalan Francais Mikro dan Mampu Milik, sesi bersama syarikat F3M serta sesi pepadanan francais.

LAWATAN KE KILANG TASTIWAY SDN BHD BAGI PROJEK UMKNEXUS

21 Mac 2022 | Projek Pembangunan dan Pengantarabangsaan Syarikat Siswa (UMKNexus) merupakan sebuah projek khas keusahawanan yang diselenggarakan oleh Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) melibatkan tiga (3) buah syarikat pelajar serta lima (5) produk inovasi yang dibangunkan untuk memasuki pasaran tempatan dan antarabangsa. Sehingga Mac 2022 projek ini telah melalui fasa pemprosesan produk yang mana salah sebuah syarikat

pelajar dibawah bimbingan Dr. Nurhanan Abdul Rahman, Dr. Mohd Ikhwan bin Aziz dan Dr. Noor Raihani binti Zainol telah membuat produk inovasi kerepek nenas menggunakan teknologi "Freeze Dried". Satu sesi kunjungan daripada wakil mentor projek telah mengadakan lawatan ke kilang pemprosesan produk ini iaitu Kilang Tastiway Sdn Bhd. Kunjungan diadakan untuk mengadakan perbincangan lanjut seterusnya mencapai kata sepakat bagi peluang kolaborasi antara kedua-dua belah pihak dalam proses pembuatan produk inovasi



ini. Sebanyak 1000 bungkus produk akan dikeluarkan oleh syarikat pelajar ini bagi permulaan dan dijangka akan dipasarkan pada Ogos – September 2022 di pasaran tempatan dan antarabangsa (Amerika Syarikat).

PELAJAR UMK SERTAI PERTANDINGAN INNOVATION AND TECHNOLOGY CHALLENGE



19 - 20 Mac 2021 | Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) telah menghantar penyertaan Program Intech 21. Program ini merupakan program peringkat Nasional anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Universiti Malaya (UM). Program ini merupakan pertandingan cabaran keusahawanan peringkat kebangsaan yang memberi peluang kepada para peserta untuk menawarkan penyelesaian e-dagang kepada permasalahan kehidupan manusia sekaligus berupaya

mencapai matlamat Sustainable Development Goals (SDG). UMK telah menghantar empat (4) kumpulan yang disertai oleh 16 orang pelajar dan 4 orang mentor. Penyertaan adalah dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), Jabatan Sains Data (JSD) dan Fakulti Hospitaliti Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK). Bengkel TOT mentor telah diadakan pada 19 hingga 20 Mac 2022 secara dalam talian manakala bengkel secara fizikal telah diadakan pada 25 hingga 28 Mac 2022 bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya.

PROGRAM EMPOWERING WOMEN ENTREPRENEURS

20 Februari 2022 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negeri Johor menganjurkan Program Empowering Women Entrepreneurs di Rumah Women Institute Senggarang (WI), Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Dr. Noraini Ahmad. Turut hadir, Menjalankan Fungsi Naib Canselor, Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad,

Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK, Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail, Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negeri Johor, Datin Narimah Haji Ahmad dan Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Senggarang, Hajah Zainon Omar. Sementara itu, sesi Perkongsian Ilmu Keusahawanan turut diadakan yang disampaikan oleh Prof. Dr. Nik Maheran (Pemeriksaan Usahawan Wanita Untuk Negara), Pensyarah Kanan

Fakulti Keusahawanan Perniagaan UMK, Dr. Anis Amira Ab. Rahman (Pengurusan Kemakmuran Kewangan) dan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Diploma Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr. Mohd Zulariffin Md. Maarof.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL, JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM KELANTAN (JAHEIK) KE FOOD INCUBATOR InsPeK (FOOD-i) TOK BALI, PASIR PUTEH DAN PEJABAT InsPeK



05 JANUARI 2022 | Kunjungan Hormat Delegasi Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Kelantan (JAHEIK) ke Food Incubator

InsPeK (FOOD-i) Tok Bali, Pasir Puteh dan Pejabat InsPeK, UMK Bachok. InsPeK telah menerima kunjungan hormat Tuan Anuar Al Sadat bin Hj. Noor (Ketua Penolong Pengarah) Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Kelantan (JAHEIK) bersama delegasi yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan

hormat ke InsPeK dan FOOD-i (Food incubator InsPeK) di bawah InsPeK Social Enterprise Innovation and Incubation Park (i-SEe) adalah untuk membincangkan kolaborasi yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dalam pelbagai sudut serta strategi yang boleh dilaksanakan bagi mentransformasi usahawan berpendapatan rendah mendapatkan sijil Halal, GMP dan MESTI.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI CENTER OF EXCELLENCE PITAS (COE PITAS), TERENGGANU STRATEGIC AND INTEGRITY INSTITUTE (TSIS) ke InsPeK

05 JANUARI 2022 | Kunjungan Hormat Delegasi Center of Excellence PITAS (CoE PITAS), Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) ke InsPeK, UMK Bachok. InsPeK telah menerima kunjungan hormat Encik Ahmad Azhar bin Che Ali (Ketua Jabatan Pembangunan Ekonomi dan Sumber Baharu) bersama

delegasi yang disambut oleh Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) iaitu Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail. Tujuan utama kunjungan hormat ke InsPeK adalah untuk membincangkan projek penyelidikan yang berpotensi untuk dilaksanakan oleh kedua-dua pihak.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI YB SENATOR DR. HJH. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF (AHLI DEWAN NEGARA, PARLIMEN MALAYSIA) KE InsPeK



10 JANUARI 2022 | InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat YB Senator Dr. Hjh. Wan Martina binti Wan Yusoff (Ahli Dewan Negara, Parlimen Malaysia) bersama delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan strategi menguruskan kemiskinan

dan serta peningkatan kesejahteraan rakyat. Selain itu, YB juga berminat untuk mendengar taklimat daripada InsPeK berkaitan kajian dan program pembinaan kapasiti yang telah dilaksanakan oleh InsPeK terutamanya dari aspek perusahaan sosial.

SIMPOSIUM PENYELIDIKAN & INOVASI ZAKAT MEMAGU KELESTARIAN PEMBANGUNAN UMMAH

12 JANUARI 2022 | InsPeK telah menerima jemputan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi Simposium Penyelidikan & Inovasi Zakat Memacu Kelestarian Pembangunan Ummah.



Salah seorang panel bagi program ini adalah Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah selaku Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya.

LAWATAN DELEGASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MoF) KE PROJEK InsPeK, DI SEKITAR JELI



23 JANUARI 2022 | InsPeK telah menerima Lawatan daripada Encik Jeffrey Yon (Ketua Sekyen, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia) bersama

delegasi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau perkembangan projek-projek InsPeK di Jeli yang memfokuskan kepada perusahaan sosial. Terdapat dua (2) kategori projek yang dilawati, iaitu 1) UMK-MoF Social Enterprise Project dan 2) Projek perusahaan sosial kerjasama InsPeK UMK dan APPGM-SDG. Matlamat utama kedua-dua projek ini adalah untuk mengeluarkan komuniti dari kemiskinan dan tingkatkan kesejahteraan hidup mereka.

PERASMIAN INCUBATOR InsPeK (FOOD-i)



24 JANUARI 2022 | InsPeK telah menubuhkan incubator pertama iaitu FOOD-i di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan. Incubator ini telah dirasmikan oleh Encik Jeffrey Yon (Ketua Sekyen, Bahagian Perolehan

DI TOK BALI, PASIR PUTEH, KELANTAN

Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia) dan disaksikan oleh Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UMK), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman (Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UMK), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK)

dan Puan Khuzaimah binti Hudain (Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kelantan (LKIM)). Matlamat adalah untuk bersama komuniti berpendapatan rendah dan miskin meningkatkan pendapatan melalui aktiviti penyelidikan, serta pembinaan kapasiti berkaitan teknologi makanan dan pertanian, seterusnya bersama dalam isu jaminan makanan.

ISLAMIC SOCIAL FINANCE (ISF) 360 WEBINAR SERIES

31 JANUARI 2022 | Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan di bawah Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Kewangan dan Pengurusan Harta Islam (IFWMEC) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), INCEIF dan

Yayasan Wakaf Malaysia telah menganjurkan Islamic Social Finance (ISF) 360 Webinar Series secara atas talian melalui Facebook Live InsPeK. Penceramah bagi program ini adalah Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK. Tajuk yang dibincangkan melalui program

ini adalah Pemetaan 360 darjah Kesejahteraan Komuniti dan Wakaf.



KUNJUNGAN InsPeK UMK KE MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) DI KUALA LUMPUR



3 FEBRUARI 2022 | InsPeK Ahmad Talmizi Bin Yahaya telah menghadiri perbincangan (Pengurus Baitulmal MAIWP). bersama Majlis Agama Islam Tujuan utama perbincangan Wilayah Persekutuan (MAIWP). adalah untuk kerjasama untuk Perbincangan ini telah dihadiri menguruskan kemiskinan oleh Prof. Madya Dr Wan bandar terutamanya di kawasan Ahmad Amir Zal bin Wan Wilayah Persekutuan. Ismail (Pengarah InsPeK) yang dipengerusikan oleh Ustaz

LAWATAN DELEGASI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI KE TAPAK PROJEK InsPeK, DI SEKITAR JELI

9 FEBRUARI 2022 | binti Abdul Rahman. InsPeK telah menerima Tujuan utama lawatan ini lawatan daripada delegasi adalah untuk meninjau Unit Perancang Ekonomi, projek-projek InsPeK di Jeli Jabatan Perdana Menteri yang memfokuskan kepada yang disambut oleh Ketua perusahaan sosial iaitu Bahagian Perkhidmatan dan perusahaan sosial inoproduk Akademik, Institut Penyelidikan batik berasaskan warna Pengurusan Kemiskinan alam dan perusahaan sosial (InsPeK) iaitu Dr. Nurhanan cendawan tiram kelabu.



LAWATAN DELEGASI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM) KE InsPeK DAN INKUBATOR InsPeK (FOOD-i) DI TOK BALI



10 FEBRUARI 2022 | Delegasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah mengadakan lawatan ke InsPeK dan Inkubator InsPeK (FOOD-i) di Tok Bali. Lawatan ini diketuai oleh Puan Parihah binti Hassan (Timbalan Ketua Pengarah YaPEIM) bersama delegasi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membincangkan modul berkaitan MyHaus, kerjasama yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dalam pembangunan asnaf dan meninjau Inkubator InsPeK di Tok Bali yang memfokuskan kepada pemprosesan pes dan ikan lunak.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF KERJASAMA STRATEGIK AGROBANK DAN InsPeK

15 FEBRUARI 2022 | Majlis Perasmian Program Pembangunan Asnaf Kerjasama Strategik Agrobank dan InsPeK telah diadakan di Bilik Seminar 1, Bangunan Canselori, UMK Bachok. InsPeK telah melaksanakan program pembangunan asnaf dengan kerjasama Agrobank bertempat di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan yang merupakan inkubator InsPeK (FOOD-i). Majlis perasmian ini telah dirasmikan

oleh YM Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin (Presiden dan CEO Agrobank). Majlis ini juga dihadiri oleh Prof. Dr. Nik Mahteran binti Nik Muhammad (Menjalankan Fungsi Naib Canselor, UMK), Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, UMK), Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK) dan delegasi Agrobank serta staf UMK. Matlamat utama



program pembangunan asnaf adalah untuk menguruskan kemiskinan usahawantani serta berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan mereka bagi menjamin kesejahteraan hidup.

KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) di InsPeK DAN DI SOCIAL NETWORK LABORATORY (SNL) InsPeK, DI JELI, TUMPAT DAN PASIR PUTEH



20 - 22 FEBRUARI 2022 | Kunjungan Hormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) di InsPeK, UMK Bachok dan di Social Network Laboratory (SNL) InsPeK, di Jeli, Tumpat dan Pasir Puteh. Kunjungan Hormat

ini diketuai oleh Encik Azril bin Mohd Amin (Pegawai Eksekutif Institut MASA) serta delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat Institut MASA adalah untuk meninjau projek-projek yang dilaksanakan oleh InsPeK iaitu (1) Perusahaan Inoproduk Batik Warna Alam di Perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli (2) Perusahaan Cendawan Tiram Kelabu di Perkampungan Orang Asli Sungai Rual, Jeli (3) Perusahaan Ikan Lunak di

Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh, (4) Penternakan ayam kampung kacuk dalam kalangan Orang Kurang Upaya di Telong, Bachok dan (5) Perusahaan ikan bekok di Kampung Geting, Tumpat. Selain itu perbincangan juga diadakan berkaitan dengan kemiskinan, kesejahteraan dan keadilan sosial bagi menguruskan kemiskinan di Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC), UKM DI InsPeK

24 FEBRUARI 2022 | Kunjungan Hormat Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UKM di InsPeK, UMK Bachok dan di Social Network Laboratory (SNL) InsPeK, di Tumpat dan Pasir Puteh. InsPeK telah menerima Kunjungan Hormat Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UKM yang diketuai oleh Prof Datuk Dr. Rokiah Omar (Pengarah UCTC UKM) serta delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah

untuk membincangkan secara fizikal kolaborasi antara UCTC UKM dan InsPeK UMK dalam bersama menguruskan komuniti melalui pelbagai program dalam skop universiti. Delegasi UCTC UMK sempat meninjau projek-projek yang dilaksanakan oleh InsPeK iaitu Perusahaan Ikan Lunak di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh dan Perusahaan sosial Ikan Bekok di Kg Geting, Tumpat.



KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) DI SOCIAL NETWORK LABORATORY (SNL) InsPeK, DI BACHOK, PASIR PUTEH DAN TUMPAT



15 MAC 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Social Network

Laboratory (SNL) InsPeK, di Bachok, Pasir Puteh dan Tumpat yang diketuai oleh Dr Ahmad Basri bin Ibrahim (Ketua Pengurusan Syariah PNB) serta delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk meninjau perkembangan projek/program di bawah "PNB-InsPeK Jiwa Asnaf" serta projek lain yang telah dilaksanakan oleh InsPeK. Antara projek/program yang telah ditinjau oleh PNB

adalah (i) Projek ternakan ayam kacuk di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya Kampung Aur, Telong Bachok, (ii) Program perusahaan sosial kumpulan wanita nelayan (KUNITA) melalui pemprosesan Ikan Lunak di Pasir Puteh (FOOD-i) dan (iii) Program Perusahaan Sosial Ikan Bekok di Kampung Geting, Tumpat.

KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT BIODIVERSITI TROPIKA DAN PEMBANGUNAN LESTARI (IBTPL), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) DI InsPeK

23 MAC 2022 | InsPeK telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diketuai oleh Dr. Hazman bin Samsudin (Ketua Program Penyelidikan Pembangunan Ekonomi Komuniti serta

Menjalankan Fungsi sebagai Timbalan Pengarah IBTPL) bersama delegasi. Tujuan utama kunjungan hormat adalah untuk membincangkan secara fizikal kolaborasi antara IBTPL dan InsPeK UMK dalam melaksanakan penyelidikan dan bersama memperkasakan komuniti.



LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)



12 Januari 2022 | IFSSA berbesar hati menerima lawatan penanda aras daripada Unit Landskap dan Tanaman, Universiti Malaysia Pahang (UMP). Lawatan penanda aras ini memfokuskan kepada kaedah dan amalan penanaman kunyit dan halia hitam yang berkualiti sebagai panduan untuk menjadikan inspirasi dan inisiatif Penghijauan Kampus di UMP Kampus Pekan.

PERBINCANGAN ANTARA IFSSA, FIAT DAN HALAL ACADEMY



23 Januari 2022 | Satu pertemuan antara IFSSA, FIAT dan Halal Academy bagi projek berkaitan HALAL Implementation Management and Future Prospect. Antara intipati perbincangan ini adalah berkaitan usaha ABID dalam menuju ke arah pensijilan halal.

PERBINCANGAN ANTARA IFSSA DAN SAT ASIA SDN BHD

26 Januari 2022 | Satu pertemuan antara IFSSA bersama wakil Singularity Aerotech Asia Sdn Bhd (SAT Asia) bagi membincangkan kerjasama antara dua pihak berkenaan projek Smart Farming Implementation.



PERBINCANGAN ANTARA IFSSA, FIAT DAN YAYASAH OHSEM MALAYSIA

27 Januari 2022 | Satu lawatan kerja dari Yayasan OHSEM Malaysia untuk melihat pertanian hidroponik yang dijalankan oleh IFSSA bagi projek Gerak Prihatin Negeri Kelantan.



LAWATAN KERJA DARIPADA FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN (FHPK), UMK



9 Februari 2022 | Satu lawatan daripada FHPK UMK ke IFSSA bagi membincangkan berkaitan penambahbaikan produk-produk inovasi fakulti bagi tujuan pengkomersilan.

PENCAPAIAN FELO BERSEKUTU IFSSA

8 Mac 2022 | Dr. Nor Dini binti Rusli, Felo Bersekutu IFSSA telah dijemput sebagai Keynote Speaker dalam program Women in Education Program yang dianjurkan oleh International Council for Small Business (ICSB).




LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

13 Februari 2022 | IFSSA melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah menerima kunjungan delegasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diketuai oleh YBhg. Lt. Kol. Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor UniMAP.



DISCUSSION ON COLLABORATION WITH GERMAN STARTUP KAISERSTRABE FRANKFURT ON AI PROGRAMME



12 JANUARI 2022 | AIBIG telah mengadakan perbincangan kerjasama bersama German Startup Kaiserstraße Frankfurt yang bertujuan untuk melihat peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan, Artificial Intelligence (AI), IR4.0 serta bidang berkaitan.

LAWATAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN PENANDA ARAS KE TELEKOM RESEARCH & DEVELOPMENT SDN BHD, FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA SERTA POWER AND ENERGY RESEARCH GROUP, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



13 JANUARI 2022 | AIBIG telah mengadakan lawatan kerjasama penyelidikan dan penanda aras ke Telekom Research & Development Sdn. Bhd., Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta Power and Energy Research Group, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Lawatan ini diketuai oleh Dr. Muhammad Akmal bin Remli, Pengarah AIBIG dan turut hadir Encik Khairul Nizar Syazwan bin Wan Salihin Wong, Felo Bersekutu AIBIG serta YM Tuan Mohd Nizam bin Tuan Mustapa, Penolong Pendaftar Kanan AIBIG.

SESI LAWATAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN PENANDA ARAS OLEH INSTITUT KAJIAN PERLADANGAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

16 JANUARI 2022 | AIBIG telah menerima kunjungan daripada delegasi Makmal Sistem Teknologi Pertanian dan Mekanisasi, Institut Kajian Perladangan, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nazmi bin Mat Nawi selaku Ketua Makmal. Lawatan ini bertujuan untuk melihat peluang kerjasama dan mengenalpasti peralatan atau sistem yang perlu ada untuk mewujudkan makmal IoT di Makmal Sistem Teknologi Pertanian dan Mekanisasi, Institut Kajian Perladangan, Universiti Putra Malaysia



LIVE
Jabatan Sains Data UKM

WEBINAR

**IOT ANALYTICS:
FROM DATA TO DECISION, TRENDS
& CHALLENGES**

19 January 2022 (Wednesday)
10:00 am - 11:30 am

Moderator

Panel

YBrs. DR. MAZLAN ABBAS
Co-Founder & CEO of FAVORIOT Sdn Bhd
(IoT Thought Leader & Evangelist)

**PROF. DR. SITI ZAITON BT
MOHD HASHIM**
Professor
Department of Data Science

Organized by
Department of Data Science, Faculty of Science, Universiti Kebangsaan Malaysia

WEBINAR “IOT ANALYTICS: FROM DATA TO DECISION, TRENDS & CHALLENGES”

19 JANUARI 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG telah mengadakan webinar yang bertajuk “IoT Analytics: From Data To Decision, Trends & Challenges” yang mana panel adalah Dr. Mazlan Abbas, Co-Founder dan CEO of FAVORIOT Sdn. Bhd. (An IOT Thought Leader & Evangelist) serta moderator Prof. Dr. Siti Zaiton Bt. Mohd Hashim, Profesor Jabatan Sains Data (JSD).


SESI LAWATAN KERJASAMA DARIPADA **TECHNOLOGY CAPITAL (TEHCAPITAL) MALAYSIA ROBOTICS (MYRO) (TEHCAPITAL MYRO)**




26 JANUARI 2022 | AIBIG telah menerima kunjungan daripada delegasi TEHCAPITAL MYRO yang bertujuan untuk melihat peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan, Artificial Intelligence (AI), IR4.0 serta bidang berkaitan.

BENGGEL PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU

6 - 10 FEBRUARI 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG telah menganjurkan Bengkel Pewujudan Program Akademik Baharu. Bengkel ini diadakan secara fizikal bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota dan dipengerusi oleh Dr. Muhammad Akmal bin Remli, Pengarah AIBIG.



BENGGEL DOKUMENTASI NAIK TARAF KEPADA FAKULTI



13 FEBRUARI 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG telah menganjurkan Bengkel Dokumentasi Naik Taraf Kepada Fakulti. Bengkel ini diadakan secara fizikal bertempat di IR4.0 Competence Centre dan dipengerusi oleh YBrs. Dr. Hasyiya Karimah binyi Adli, Pengarah JSD.

BENGGEL SEMAKAN CLO & PLO BAGI PROGRAM AKADEMIK BAHARU JABATAN SAINS DATA BERSAMA PKPA

15 FEBRUARI 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan AIBIG telah menganjurkan Bengkel Semakan CLO & PLO bagi Program Akademik Baharu di JSD. Bengkel ini diadakan secara fizikal bertempat di Bilik Mesyuarat Maybank, UMK Kampus Kota yang mana PKPA diwakili oleh Prof. Dr. Suria Binti Baba, Pengarah PKPA.



LAWATAN YBHG. DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT, SETIAUSAHA BAHAGIAN (SUB), BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) KE IR4.0 COMPETENCE CENTRE, AIBIG



16 FEBRUARI 2022 | IR4.0 Competence Centre, AIBIG telah menerima lawatan daripada Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian (SUB), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Lawatan ini bersempena dengan Majlis Pelancaran Program Rancangan Realiti TV MoHE Star Biz Challenge - Taikun Muda dengan kerjasama Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah) yang mana Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyelaraskan penganjuran program ini.

SESI TEMUDUGA STAF AKADEMIK BAHARU PERINGKAT JABATAN

24 FEBRUARI 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG telah mengadakan sesi temuduga staf akademik baharu secara dalam talian yang dipengerusikan oleh Dr. Hasyiya Karimah binti Adli, Pengarah JSD dan panel terdiri daripada Dr. Muhammad Akmal bin Remli, Pengarah serta beberapa orang Pensyarah Kanan JSD. Seramai 14 orang calon staf akademik telah ditemuduga semasa sesi tersebut.



SESI PERBINCANGAN KERJASAMA BERSAMA ALIBABA CLOUD

17 MAC 2022 | AIBIG telah mengadakan perbincangan bersama pihak Alibaba Cloud yang bertujuan untuk memberi pengenalan kepada Alibaba Cloud dan menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan serta bidang berkaitan.



PENGANJURAN KURSUS PENDEK ASAS CLOUD COMPUTING

19 MAC 2022 | RunCloud Education dengan kerjasama Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG) dan Jabatan Sains Data (JSD) telah menganjurkan kursus pendek Asas Cloud Computing. Kursus ini adalah ditaja sepenuhnya oleh RunCloud Education kepada semua staf dan pelajar UMK. Penceramah bagi kursus ini adalah Encik Arif Tukiman, CEO RunCloud Education. Penyertaan bagi kursus ini adalah seramai 61 orang termasuk staf dan pelajar UMK.

Asas Cloud Computing Siri #2



Speaker
Arif Tukiman

19 Mac 2022
Sabtu
8:30pm - 10:30pm

via
zoom

Organized by **RUNCLOUD** **CEA** **COOL FOOD ACADEMY** Ecosystem Partner: **MALAYSIA**

PROGRAM MEET & GREET BERSAMA PELAJAR JABATAN SAINS DATA

23 MAC 2022 | Jabatan Sains Data (JSD) dengan kerjasama AIBIG telah menganjurkan Program Meet and Greet Bersama Pelajar bertempat di Dewan Eksperimantal, UMK Kampus Kota. Seramai 54 orang pelajar terlibat dalam program ini. Program ini bertujuan membina keyakinan diri dalam kalangan pelajar terutamanya berkaitan akademik serta mewujudkan semangat kekeluargaan yang kukuh dan saling hormat menghormati antara mentor dan mentee.





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000
Email: tncpi@umk.edu.my